

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 06 April 2017 21:24
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Alumni UUM Terima Anugerah Usahawan Muda (Keusahawanan)



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



6 APRIL 2017 / 9 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Facebook Ajib Adi

ALUMNI UUM TERIMA ANUGERAH USAHAWAN MUDA (KEUSAHAWANAN)



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Alumni UUM COB, Mohd Najib Abdul Hadi telah dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Muda (Keusahawanan) pada Anugerah Personaliti Industri dan Usahawan Malaysia 2017 anjuran NiagaTimes di Hotel Sheraton Emporial, baru-baru ini.

Mohd Najib atau lebih dikenali Ajib Adi merupakan graduan UUM pada 2008 dan kini memegang jawatan sebagai Pengurus Besar termuda di Coway (M) Sdn Bhd.

Anugerah Personaliti Industri dan Usahawan Malaysia 2017 adalah program anugerah berprestij yang mengiktirafkan pencapaian usahawan-usahawan SME di Malaysia yang bersedia untuk terus maju di masa hadapan bagi menggalakkan usahawan Bumiputera dalam mengejar kecemerlangan di kalangan syarikat tempatan.

Ini adalah salah satu platform untuk meningkatkan profil, jenama, produk dan perkhidmatan usahawan dan secara tidak langsung menggalakkan usahawan untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara.

Sebanyak 22 kategori anugerah diberikan melibatkan 50 syarikat serta individu yang menerima anugerah di majlis tersebut.

Antara kategori anugerah ialah Ikon Usahawan Malaysia, Ikon Tahunan dan Ikon Muzik.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Dato' Henry Sum Agong.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.